

2007

PELABURAN INTERNET

Jawapan Kepada Pihak Yang
Menghalalkan Pelaburan Internet



Ustaz Hj Zaharuddin Hj Abd Rahman

كل لحم نبت من الحرام فالنار أولى به

“Setiap Daging Yang Tumbuh Dari Benda Yang Haram Maka Neraka Lebih Utama Dengannya” - Al-Hadis

Jawapan Kepada Pihak Menghalalkan Pelaburan Internet

Terdapat beberapa email yang forwardkan kepada saya tulisan seorang 'ustaz' lepas mesir tentang pelaburan Internet yang didakwa halal. Ustaz yang tidak diketahui asal usul serta misteri ini sebenarnya telah tersalah menilai isu yang dibincang mengenai pelaburan melalui internet ini.

Saya dan **Majlis Fatwa Kebangsaan** hakikatnya berbincang berkenaan hukum aqad pelaburan yang menjamin modal dan keuntungan secara tetap, yang mana hukumnya adalah haram menurut fatwa **Majlis Kesatuan Ulama Fiqh Sedunia** dan **Majlis Fatwa Kebangsaan**. Tapi si ustaz ini sibuk bincang sah beraqad melalui internet.

Inilah maksud saya ia tersilap pintu dan isu. Sememangnya diakui bahawa aqad melalui internet adalah sah jika menepati syarat dan rukun jual beli dan pelaburan. Tetapi perlu diingat, rukun dan syarat itulah yang saya dan Majlis Fatwa Kebangsaan semak, bukan internet itu sendiri.

Ada juga rakan-rakan yang menasihatkan saya agar tidak perlu memberi respon kepada tulisan sebegini. Malah saya juga tidak berminat melayannya, bagaimanapun apabila saya dapati hujjah menyeleweng yang diutarakan telah menyebabkan orang ramai terus menerus bermain dengan Riba. Ramai juga yang bertanay berulang kali kepada saya, maka saya tidak suka menyembunyikan kebenaran. lalu terpaksa saya menulis jawapan ringkas ini. Bukan untuk berlaga atau suka berdebat, cuma kewajiban membetulkan penyelewengan fakta yang disepakati. Jika ia isu khilafiah dan hujjahnya benar dan memang terdapat pandangan ulama sedemikian, maka sudah tentu saya biarkan saja, tetapi apabila terdapat penyelewengan, saya tidak lagi boleh abaikannya.

1- Hujah Pertama Ahmad Syukri :

Saya ada juga membaca tulisan Zaharuddin, tetapi banyak yang kurang tepat, barang kali di sebabkan beliau hanya menuntut di Jordan sahaja. Semasa saya menuntut di Al-Azhar 1995-2000 saya melihat isu ini telah di bincangkan di akhbar sebelum pelaburan sebegini berkembang di Malaysia,

Respon Ustaz Zaharuddin :

Satu hujah yang amat pelik dan melucukan. Dalam Islam, ilmu itu adalah dari dalam Al-Quran, al-Hadith, Ijma dan persepakatan Ulama, ia bukan hanya boleh diperolehi di negeri tertentu sahaja. Malah Firaun pun daripada Mesir, Abu Jahal daripada Mekah..dalam Islam, Allah SWT menyebut :

فَإِنْ تَنَزَّعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ

“Apabila kamu mempunyai kekeliruan dalam sesuatu perkara maka hendaklah kamu rujuk kepada Allah (melalui Al-Quran) dan RasulNya” - An-Nisa’ 59

Allah SWT juga menyebut :

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

“Tanyalah kepada orang yang kamu tahu jika kamu tidak mengetahuinya” - An-Nahl 43

Amat jelas, bahawa ilmu bukan kira tempat, tetapi hujjah dengan hujjah yang benar, begitu ramai pelajar lepasan Mesir yang tiada kualiti, demikian juga para pelajar lepasan Jordan, Syria, Yemen, Pakistan dan lain-lain. Hakikatnya, ilmu bukan terletak kepada tempat, tetapi inisiatif, keikhlasan dan kesungguhan seseorang itu dalam menuntut ilmu. Hujjah yang disertai kefahaman mendalam terhadap sesuatu isu amat penting.

Sebagaimana Nabi Ibrahim a.s disebut dalam al-Quran “Adakah kamu tidak melihat bagaimana Nabi Ibrahim berhujjah (dengan Namrud) tentang Tuhannya..”

Malah kemampuan seseorang tu juga tidak terletak hanya kepada guru-gurunya yang hebat, kerana terlalu ramai yang berguru tetapi hanya sekadar duduk dalam majlis guru itu tanpa sebarang dialog dengan gurunya. Malah ramai yang berguru dengan ulama yang hebat tetapi sebenarnya ia kerap tertidur dan tidak faham butiran ajaran gurunya. Lalu ia balik ke Malaysia tanpa ilmu yang jelas, walaupun gurunya tersenarai dengan begitu hebat.

2- Soalan Yang Diajukan kepada Ahmad Syukri menyebut :

“Apakah imbuhan yang di berikan di dalam pelaburan itu riba dan munasabah?”

Jawapan Ahmad Syukri :

Ada juga yang mempersoalkan tentang imbuhan dan pulangan yang diberikan tidak munasabah dan ada juga yang mengatakan riba . Ini sebenarnya satu tuduhan yang keterlaluan tanpa usul periksa. Saya melihat pulangan yang di berikan adalah munasabah . Contohnya apabila kita melabur USD1,000 (RM 3,800), kita akan mendapat modal sahaja selepas sebulan. Bukannya kita melabur USD 1,000 (RM 3,800) pada keesokannya harinya kita mendapat untung itu barulah namanya judi atau riba, keuntungan tidak di perolehi pada satu masa. Padahal untuk mendapat keuntungan selepas sebulan, kecuali apabila ia bekerja keras mencari downline, mencari ahli dan sebagainya. Sebagaimana yang telah di jelaskan keuntungan diberikan setelah wujud persetujuan, bukan keuntungan disebabkan penangguhan.

3-Soalan Yang Diajukan kepada Ahmad Syukri menyebut :

“Bagaimana pandangan ustaz berkenaan pelaburan yang di katakan riba?”

Jawapan Ahmad Syukri :

Sebenarnya pelaburan tiada unsur riba kerana Riba hanya terdapat pada qirad atau pinjaman, Menurut pandangan ulama Riba ada 3 jenis :

Pertama : Riba Al-Fadhhal iaitu jual beli yang berlaku tambahan atau lebih pada salah satu daripada barang tukaran, ertinya tambahan berlaku semata-mata kerana kelewatan. Riba ini tidak berlaku kecuali pada dua barang tukaran yang sama jenis , contoh pertukaran satu gantang gandum dengan satu setengah gandum lain.

Kedua : Riba Al-Yadd : iaitu jual beli yang di lewatkan serahnya semasa menukar barang dan tidak menyebut tempoh seperti penyerahan lain jenis, gandum dengan barli.

Ketiga : Riba al-Nasi'ah : Jual beli tangguh iaitu jual beli tangguh kepada satu tempoh dan di tambah apabila tempoh itu sudah cukup di samping harga tidak di bayar bagi tempoh yang telah selesai itu, maksudnya : tambahan yang di buat kepada barang tukaran, tanpa di sebabkan apa-apa tukaran tetapi kerana kelewatan membayar. Oleh yang demikian di manakah letaknya unsur riba di dalam pelaburan ? Sedangkan ia bukan pinjaman, bukan penangguhan kerana hadis nabi menyebut Ertinya : *“Tidak ada riba kecuali pada al-Nasihah”*, maksudnya yang dikatakan riba itu adalah kelewatan membayar hutang kerana ada tambahan, umpama meminjam RM50.00 sekarang, tetapi jika ditangguh kepada bulan depan menjadi RM60.00.”

Respond Ustaz Zaharuddin :

Satu lagi kesilapannya adalah dalam menyatakan tiadanya riba **Al-Fadl**, **Al-Yadd** dan **Nasihah** dalam pelaburan melalui internet. Malah pengertian riba juga gagal difahami dengan baik. Inilah akibat hanya merujuk satu dua buku dan kemudian terus menulis. Memang diketahui, tiada Riba al-Fadl dan Nasiah dalam pelaburan ini, ini adalah hanya ketiga-tiga jenis riba ini hanya berlaku dalam urusan jual beli barangan ribawi. Bukannya dalam bab pelaburan yang sedang dibincangkan.

Isu yang saya bincang dalam tulisan saya dan juga yang diputuskan oleh **Majlis Fatwa Kebangsaan** adalah **Riba Duyun** dari kelompok **Riba Al-Qard**. Sebagaimana yang juga difatwakan oleh **Majlis Kesatuan Ulama Fiqh Sedunia**. Selagi lagi *Ahmad Syukri* telah memberi fokus benda kepada perkara yang salah dan bukan menjadi fokus kami sama sekali.

Isu untung berlebihan atau tidak?

Entah mengapa si penulis sekali lagi melencong dari topik utama yang memberi kesan kepada hukum. Iaitu dalam isu untung .

4- Soalan Yang Diajukan kepada Ahmad Syukri :

“Ada juga yang mempersoalkan tentang imbuhan dan pulangan yang di berikan tidak munasabah dan ada juga yang mengatakan riba. Ini sebenarnya satu tuduhan yang keterlaluan tanpa usul periksa. Saya melihat pulangan yang di berikan adalah munasabah.”

Respond Ustaz Zaharuddin :

Dalam hal ehwal riba, adalah tidak dikira munasabah atau tidak. Kerana munasabah atau tidak itu adalah subjektif dan dalam istilah Usul Fiqh disebut “Ghayru Mundobid” atau tidak standard. Justeru ijmaK ulama menyebut bahawa Riba itu walaupun satu sen, ia tetap Riba tanpa mengira banyak atau kecilnya jumlahnya. (*Rujuk Nihayatul Sull oleh Imam Jamaluddin al-Isnawi*)

Sekali lagi *Ahmad Syukri* bercerita luar konteks, saya dan **Majlis Fatwa Kebangsaan** bincang isu apabila pemberian duit atas nama pelaburan, kemudian dijanjikan pulangan tertentu dan jaminan modal maka ia akan berubah sifatnya menjadi riba. Tapi si penyokong Pelaburan ini sekali lagi cerita benda lain.

Inilah punca utama pelaburan jadi batal, berikut **Majlis Penasihat Syariah Dunia, AAOIFI** berikut teks fatwanya :-

إذا شرط أحد الطرفين لنفسه مبلغاً مقطوعاً , فسدت المضاربة

Ertinya : “Apabila mana-mana pihak menetapkan baginya satu jumlah untung yang tetap dan pasti, maka rosaklah aqad pelaburan Mudarabah itu” (*Al-Ma'ayir As-Syaiyyah, AAOIFI, hlm 240*)

Saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa keputusan **Majlis Fatwa kebangsaan** yang mengharamkan **Pelaburan Melalui Internet** adaah kerana beberapa ciri tertentu, yang paling utama adalah kerana **jaminan dan promosi keuntungan tetap dan jaminan modal** dalam sebuah pelaburan. Sebenarnya ciri ini juga telah diputuskan haram secara sepakat **Kesatuan Ulama Fiqh Sedunia** pada tahun 1992 yang mewartakan :

لأنه لا يجوز في المضاربة أن يحدد المضارب لرب المال مقداراً معيناً من المال , لأنه

يتنافى مع حقيقة المضاربة ولأنه يجعلها قرضاً بفائدة لله

“Sebarang pelaburan yang mana pihak pengusaha (mudarib atau syarikat) menjamin satu kadar pulangan tertentu kepada pelabur (peserta), maka ia adalah haram oleh kerana ia telah menukar sifat pelaburan secara Islam kepada elemen pinjaman dengan janji faedah Riba” (Majma Fiqh Al-Islami, Qarar wa Tawsiat)

Menetapkan tempoh pelaburan

5- Soalan Yang Diajukan kepada Ahmad Syukri :

Apakah hukum menetapkan masa keuntungan sebagai contoh 100 hari?

Jawapannya : Penetapan masa keuntungan adalah sah dan memberi banyak memberi faedah, sebagaimana nas yang di ambil dari Mazhab Hambali dan Hanafi katanya : “Menetapkan masa mudharabah (keuntungan), jika di bataskan mudharabah (keuntungan) dengan suatu waktu yang tertentu di mana ditetapkan bahawa jika satu waktu yang tertentu telah habis, maka kontrak mudharabah (keuntungan) akan menjadi batal maka

kedudukan kontrak seperti ini adalah sah di sisi *Mazhab Hambali* dan *Hanafi*. Sebab kontrak ini adalah satu kontrak perwakilan. Oleh itu ia boleh dibataskan dengan waktu ia sama dengan dengan pembatasan jenis, tempat dan orang yang kita hendak membuat pelaburan Kontrak seperti ini tidak ada di sisi *Mazhab Syafei* dan *Maliki*, sebab pembatasan waktu itu merosakan maksud keuntungan, sebab ada kemungkinan keuntungan tidak di perolehi dalam tempoh itu dan ada kemungkinan keuntungan di perolehi selepas daripada tempoh yang ditetapkan”

Respond Ustaz Zaharuddin :

Sekali lagi pelik dan ajaib, penulis gagal lagi memahami isu yang sedang saya dan juga Majlis fatwa bincangkan, kami tidak pernah mengatakan salah untuk menetapkan tempoh bagi sesuatu pelaburan. Memangnya dihalalkan secara sepakat ulama untuk menetapkan tempoh pelaburan kepada sesuatu pelaburan yang dibuat. Ini bermakna, meletakkan tempoh matang bagi pelaburan kepada 100 hari adalah halal, malah ini juga yang dilakukan oleh bank-bank Islam di seluruh dunia. Iaitu tempoh matangnya ada yang 3 bulan, 6 bulan, setahun dan lain-lain.

Tetapi ini bukanlah isu yang kami fokus, yang difokus adalah menetapkan pulangan tetap dalam tempoh 100 hari itu serta keuntungan hariannya, inilah yang haram.

Cara pelaburan Islam hanya menghalalkan menetapkan satu tempoh matang, kemudian **HANYA DITENTUKAN** dalam aqad, nisbah pembahagian untung (jika ada) apabila sampai tempoh yang ditetapkan adalah 40 % bagi pelabur, 60 % bagi pengusaha. Tiada sebarang *percentage* tetap boleh diletakkan atau disebutkan kecuali jika disebut sebagai '*indicative return*', kerana jika diletakkan sebarang *percentage* atau jumlah secara tetap, ia telah bertukar sifat pelaburan tu kepada pinjaman, Ini kerana itulah sifat pinjaman dengan riba, iaitu diberi jumlah wang tertentu sebagai pinjaman dan disyaratkan pulang semula dalam tempoh tertentu berserta faedah atau riba.

Maka sekali lagi si *Ahmad Syukri* menyeleweng dari topik akibat ketidakfahamannya dengan industri kewangan dan pelaburan realiti. Memang sah bukanlah dia seorang yang faham apa *implementasi* pelaburan di Malaysia ini termasuklah pelaburan Islam dari sudut praktikal. Inilah akibat belajar dari buku tanpa melihat kepada alam sebenar.

6- Soalan Yang Diajukan kepada Ahmad Syukri :

“Oleh yang demikian pihak Al-Arabia Fund telah memberikan keuntungan USD31 (31%) kepada pelabur USD 1,000 dan ia di persetujuan oleh pelabur sendiri, sebagaimana yang di sebut dalam hadis nabi, “Keuntungan adalah mengikut syarat yang di buat oleh kedua mereka”. Yakni hendaklah keuntungan itu dalam nisbah peratus atau dalam saham seperti satu pertiga (30:70) satu perempat (25 : 75) atau satu perdua.(50 : 50)

Imam Maliki mengatakan harus bagi kedua-dua pihak yang berkontrak saling merelai selepas daripada melakukan mudhrab (keuntungan) terhadap bahagian yang di terima sama ada sedikit atau pun banyak .

Respond Ustaz Zaharuddin :

Kali ini barulah *Ahmad syukri* bercerita benda yang kena mengena sedikit dengan apa yang kami bincangkan, tetapi masalahnya adalah ia tersesat fakta dan kefahaman. Kesilapan adalah pada katanya :

Oleh yang demikian pihak Al-Arabia Fund telah memberikan keuntungan USD31 (31%) kepada pelabur USD 1,000 dan ia di persetujuan oleh pelabur sendiri, sebagaimana yang di sebut dalam hadis nabi "Keuntungan adalah mengikut syarat yang di buat oleh kedua mereka ". Yakni hendaklah keuntungan itu dalam nisbah peratus atau dalam saham seperti satu pertiga (30 : 70) satu perempat (25 : 75) atau satu perdua.(50 : 50)

Respond Ustaz Zaharuddin :

Lihat betapa salahnya kefahaman Ahmad ini apabila berkata « *Yakni hendaklah keuntungan itu dalam nisbah peratus atau dalam saham seperti satu pertiga (30 : 70) satu perempat (25 : 75) atau satu perdua.(50 : 50)* »

Menurut sepakat seluruh **Ulama Dunia** dan **Malaysia**, yang dibenarkan adalah dalam bentuk nisbah sahaja, iaitu 30 : 70 atau 25 : 75 itu sahaja. Ini harus dalam Islam kerana tiada sebarang jaminan bahawa ada untung dan berapa jumlahnya. Ini bermakna, jika pengusaha gagal mendapat untung maka nisbah 30 : 70 itu tidak terpakai. Inilah pelaburan Islam

Adapun contoh *Al-Arabic* yang disukai oleh **Ahmad Syukri** ini menjanjikan keuntungan tetap iaitu USD 31 atau 31 % dari jumlah modal yang diletakkan. **Maka inilah riba**. Cuba pembaca fahamkan perbezaannya, adalah tidak serupa sama sekali guna nisbah dengan penggunaan peratusan yang tetap. Kerana nisbah tidak dapat menentukan samada adakah ada untung bagi pelabur dan berapa jumlahnya. Tetapi *percentage* menjamin untung dan diketahui jumlah pulangan sejak dari awal aqad lagi. Maka inilah riba kerana ia telah mengubah sifat pelaburan kepada pinjaman dengan riba.

Ia juga berbohong dengan mengutarakan sebuah **Hadith Palsu (Maudhu')**. Tiada sebuah hadith yang menyatakan demikian. Sila berikan rujukan dan sanadnya jika ada, pasti meleset.

Demikianlah ringkasan hujah mengapa saya mengatakan tulisannya menyeleweng dan amat membuang masa untuk dilayan sebenarnya. Banyak lagi jika saya ingin dedahkan tetapi cukuplah dua tiga isu saya keluarkan demi menunjukkan menyelewengnya artikel Ahmad Syukri ini.

Malah dia berlagak lebih alim dari **Majlis Fatwa Kebangsaan** dan juga **Majlis Kesatuan Ulama Fiqh Sedunia**. Sayyidina Ali k.w berkata : "*Hanya orang yang punyai ilmu mampu mengenal pasti siapa yang berilmu*".

7- Soalan Yang Diajukan kepada Ahmad Syukri :

“Apakah yang di maksudkan Mudharabah Mutlaq?

Jawapannya : Mudharabah Mutlaq adalah menetapkan kadar keuntungan oleh pemilik asset, sebagaimana di dalam **Pelaburan Internet** ia juga di sebut **Mudharabah Mutlaq**.

Mudharabah Mutlaq juga di kenali sebagai **Keuntungan Yang Pasti** atau **Jaminan Keuntungan**. *Dr Wahbah* menyatakan : “Pembatasan yang baru mendatang yang berlaku ke atas *mudharabah mutlaq*, kata ulama *Mazhab Hanafi* jika *mudharabah* itu ialah *mudharabah mutlaq* kemudian dikhususkan oleh pemilik harta, selepas daripada berlakunya kontrak, maka di lihat jika modal itu berbentuk tunai mahupun *mudharib* (pelabur) menggunakan modal itu untuk membeli sesuatu barang kemudian dijualkan barang itu dan di terima harganya dalam bentuk wang, maka pengkhususan yang di buat oleh pemilik harta itu adalah harus. Kedudukannya samalah seperti jika ia mengkhususkan atau membataskan *mudharabah* itu sejak awal. Sebab pemilik harta adalah mempunyai kuasa untuk membuat pembatasan jika pembatasan itu berfaedah.

Respond Ustaz Zaharuddin :

Inilah tandanya penulis tidak menguasai bahasa Arab. Sebutan ‘**Mudarabah Mutlaq**’ yang digunakan adalah salah menurut tatabahasa Bahasa Arab. Sebutan yang betul adalah ‘**Mudarabah Mutlaqah**’ yang bermakna : satu pelaburan yang dibuat oleh pelabur dengan diberikan kebebasan kepada pengusaha untuk memilih sendiri tempat dan industri apa yang ingin dilaburkan..kerana kebebasan itulah ia digelar “*mutlaqah*” iaitu beerti : *bebas tanpa ikatan*. Lawan bagi *mudarabah* jenis ini adalah “*Mudarabah Muyaqqadah*” iaitu *pelaburan yang mana pemberi modal atau pelabur menghadkan pengusaha untuk melabur dalam industri atau perniagaan tertentu sahaja*.

Malah *Ahmad Syukri* ini juga mungkin samada menipu atau tidak mampu merujuk dan memahami bahasa Arab apabila mendakwa *Dr Wahbah Zuhayli* mentakrifkan *mudarabah Mutlaqah* sedemikian, cuba baca takrifan sebenar oleh *Dr Wahbah* di dalam kitabnya :

هي أن يدفع المال مضاربة من غير تعيين العمل والمكان والزمان وصفة العمل ومن يعامله

Ertinya : *Mudarabah Mutlaqah* adalah memberikan modal secara *mudarabah* (pelaburan) tanpa menentukannya (untuk kegunaan) sesuatu kerja, sesuatu tempat dan masa dan

jenis kerja dan dengan siapa untuk berbisnes. (Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu, Jilid 5, hlm 3928 , terbitan Dar al-Fikr al-Muasir, cet ke 4)

Itulah **Mudarabah Mutlaqah** yang mana si pelabur tidak menghadkan bisnes itu untuk apa-apa syarat tempat, pelanggan, masa dan lain-lain yang tertentu. Ia tiada kaitan dengan menetapkan keuntungan. Jadinya, nasihat saya janganlah berbohong menggunakan nama-nama ulama tertentu.

Malah **Dr Wahbah** juga menyebut dalam kitabnya antara syarat keuntungan itu adalah

أن يكون الربح جزءاً مشاعاً

Ertinya : “Mestilah keuntungan yang ditetapkan adalah dalam bentuk juzu' secara umum” (Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu, Jilid 5, hlm 3939, terbitan Dar al-Fikr al-Muasir, cet ke 4)

Huraiannya adalah mestilah seperti 30 % dari keuntungan jika ada dan bukannya telah ditetapkan awal-awal bahawa 31 % dari jumlah modal adalah keuntungan. Perlu faham beza 30 % dari keuntungan jika ada kerana ini tidak menjamin ada untung, dengan 31 % pulangan dari jumlah modal, kerana ini menjamin keuntungan pada *percentage* tertentu. Fahamkan.....

Takrif yang disepakati ulama silam dan kontemporari tentang **Mudarabah Mutlaqah** adalah :

هي التي يفوض فيها رب المال المضارب في أن يدير عمليات المضاربة دون أن يقيد بقيود

Ertinya : *laitu satu pelaburan di mana si pelabur (Rabbul Mal) menyerahkan kepada pengusaha kebebasan untuk menguruskan urusan perniagaan tanpa diikat dengan sebarang ikatan.* (Al-Ma'ayir As-Syaiyyah, hlm 239 , termasuk Dr wahbah Az-Zuhayli sebagai panel fatwanya)

'*Mudarabah Mutlaqah*' bukanlah sebagaimana di dakwa oleh penulis sambil kononnya merujuk kepada *Dr Wahbah Zuhayli*. Padahal *Dr. Wahbah* juga adalah salah seorang ahli **Majlis Kesatuan Fiqh Sedunia** yang mengharamkan jaminan pulangan dalam sebarang pelaburan. Inilah satu penyelewengan yang sesat lagi menyesatkan orang ramai kerana ketidafahaman dalam bahasa Arab. Boleh rujuk kefahaman lebih jelas dalam *Fatawa Al-Hayah As-Syariyyah Lil Barakah*, halaman 97.

Kesimpulan *Mudarabah Mutlaqah* tiada kaitan dengan jaminan untung. Ia satu kefahaman salah menurut seluruh ulama dunia dan Malaysia.

8- Soalan Yang Diajukan kepada Ahmad Syukri :

Apakah benar kenyataan Mufti di akhbar Metro SAHAM NERAKA?

Jawapannya : Kenyataan mufti perlis **SAHAM NERAKA** di Harian Metro, Ahad 18hb Mac 2007 adalah keterlaluan. Ingin saya nyatakan. "Apakah Mufti Perlis dapat menjamin ia masuk syurga sehingga menyatakan orang lain masuk neraka yang kononya memakan harta riba lebih dahsyat dari memakan daging babi dan khinzir?" Apakah Mufti Perlis bersubahat dengan akhbar Harian Metro yang terkenal dengan propaganda menjatuhkan ekonomi umat Islam.

Respond Ustaz Zaharuddin :

Ini satu lagi menunjukkan ketidakmatangan si penulis, sebutan 'saham neraka' bukan dari saya mahupun **Mufti Perlis** mahupun **Majlis Fatwa Kebangsaan**, ia adalah dari editor **Metro**. Mereka yang menggunakan istilah, justeru ia tiada kaitan dengan sesiapa antara kami. Saya rasa, jika si penulis berani dedahkan identitinya, Mufti Perlis boleh menyamannya kerana menuduh **Mufti Perlis** yang berkata demikian, sedangkan ia tidak demikian.

9- Soalan Yang Diajukan kepada Ahmad Syukri :

Apakah Mufti Perlis sudah melihat sendiri tentang pelaburan, mengkaji, pergi ke tempat tersebut, bertanya kepada pemilik atau hanya sekadar mengambil hukum

berdasarkan skrin di internet? atau hanya menguatkan hujah Ustaz Zaharuddin sebagai rakan kongsi semasa di Jordan ?

Respond Ustaz Zaharuddin :

Ini lagi satu ketidakmatangan si penulis, yang menyeleweng dari tajuk. Bila pula saya jadi rakan kongsi **Mufti Perlis** di Jordan sedangkan **Dr Asri** berada di Jordan sekitar tahun 1988-1994 dan saya hanya berada di Jordan ketika membuat *Masters* pada tahun 2001 - 2004, bagaimana kami boleh jadi rakan kongsi sedangkan dalam waktu berlainan? Hujah yang amat memalukan.

Sekarang **Ahmad Syukri** mungkin sudah kelam kabut kerana **Majlis Fatwa Kebangsaan** juga telah mengharamkannya. Terpaksalah selepas ini mendakwa saya rakan kongsi semua ahli Majlis Fatwa Kebangsaan pula agaknya. Wallahu 'alam.

Sekian

Ust Hj Zaharuddin Hj Abd Rahman

www.zaharuddin.net / zaharuddin@yahoo.com

Disusun dengan izin kepada :

Ahmad Syaifuddeen Mohamad

Alhusna Gallery

www.epustaka.com/jawi | www.koleksiterkini.com

Blog : www.epustaka.com/blog